



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

**YB TUAN CHONG CHIENG JEN
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA**

“JOY OF CHRISTMAS CELEBRATION”

8 DISEMBER 2018 (SABTU)

GRAND CONTINENTAL HOTEL KUCHING

Yang Berbahagia Mr Kenji Fujita

**Managing Director AEON Credit Service Malaysia
Berhad & Vice President of Malaysia AEON
Foundation**

Yang Berbahagia Datu Ik Pahon Anak Joyik

President of Dayak Bidayuh National Association

Yang Berbahagia Datuk Iskandar bin Sarudin

Pengerusi AEON Company Malaysia Berhad

**The Committee Members of Malaysian AEON
Foundation,**

**The Committee Members of Dayak Bidayuh National
Association,**

***Para Media dan Hadirin yang Dihormati dan
Dikasihi Sekalian,***

1. Pertama – tamanya saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran kerana dapat bersama – sama dengan hadirin sekalian di majlis pada hari ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yayasan AEON Malaysia (Malaysia AEON Foundation, MAF)** di atas usaha dan inisiatif bagi menjayakan program **“JOY OF CHRISTMAS CELEBRATION”** ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Saya dimaklumkan bahawa Yayasan AEON Malaysia merupakan sebuah badan kebajikan yang ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2004 oleh Kumpulan Syarikat AEON atas prinsip tanggungjawab sosial syarikat (Corporate Social Responsibility CSR) bagi membantu golongan yang memerlukan, terutamanya kanak-kanak. Ia juga ditubuhkan bagi merealisasikan hasrat negara untuk membentuk masyarakat yang lebih prihatin dan bertanggungjawab.

3. Sejak penubuhan Yayasan AEON Malaysia, kira - kira lebih kurang RM 10 Juta telah didermakan bagi membantu golongan yang memerlukan khususnya kanak - kanak dan pelajar - pelajar, orang kurang upaya (OKU) dan daif dari segi kewangan dan sebagainya serta bantuan - bantuan kemanusiaan yang lain seperti mangsa bencana alam.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Saya juga difahamkan bahawa pihak Yayasan AEON Malaysia akan meneruskan hasratnya membantu

golongan yang memerlukan dengan melebarkan misi bantuan melalui program 'BEST' (Basic Education Support). Program ini merupakan program memberi bantuan asas pendidikan kepada sekolah - sekolah terpilih dan sehingga kini ianya telah berjaya membantu sekolah - sekolah di Bau, Sarawak (tahun 2012), Tapah, Perak (tahun 2013), Kelantan (tahun 2014) dan Selangor (tahun 2016)

5. Saya percaya dengan program 'BEST' ini, ianya akan dapat sedikit sebanyak membantu meringankan beban dan memberikan suasana pembelajaran dan pendidikan kanak-

kanak di kawasan luar bandar yang lebih kondusif.

Hadirin yang dihormati sekalian,

- 6.** Pada musim perayaan utama iaitu Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas, Yayasan AEON Malaysia akan mengenal pasti keluarga untuk memberi bantuan dan mengadakan sambutan bagi meraikan kanak - kanak dengan penuh kemeriahan.
- 7.** Bagi meraikan perayaan Hari Krismas kali ini, pihak Yayasan AEON Malaysia berkolaborasi bersama Dayak

Bidayuh National Association (*DBNA*) *dengan* membawa seramai 100 orang kanak - kanak untuk membeli-belah di AEON Mall Kuching Central. Setiap kanak-kanak diberi RM200 dan mereka boleh membeli pakaian dan kasut baru sempena Hari Krismas yang akan datang.

8. Selain itu, saya rasa amat berbangga kerana AEON juga menjemput seramai 50 keluarga daripada golongan kurang berkemampuan dari Sarawak untuk bersama-sama menerima sumbangan daripada pihak Yayasan berupa barangan dapur bernilai RM 100 setiap

keluarga dan juga "angpow" bernilai RM 200 setiap keluarga. Saya berharap program kemasyarakatan ini akan diteruskan lagi di masa akan datang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Pihak kementerian melalui cetusan idea YB Minister, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan ***menyahut slogan peduli rakyat*** akan mewujudkan **Program Food Bank Malaysia** yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 22 Disember 2018 akan datang di Penang. Ini merupakan satu

inisiatif untuk mengumpul dan mengagihkan lebih makanan (*food surplus*) bagi manfaat golongan yang kurang berkemampuan. Ia juga adalah satu kaedah terbaik dalam mengendalikan lebih makanan yang dihasilkan oleh industri seperti pembuatan makanan, peruncitan, hotel dan restoran.

10. Program Food Bank Malaysia adalah berteraskan kepada **Empat (4) objektif utama iaitu inisiatif peduli rakyat, meningkatkan kesedaran pengguna, pengurusan lebih makanan yang lebih**

sistematik dan membantu industri peruncitan di Malaysia. Justeru, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan menjadi agensi peneraju bagi pelaksanaan program ini. Melalui Program Food Bank Malaysia, pasaraya - pasaraya akan mengenalpasti lebih makanan yang masih boleh diguna semula dan diasingkan untuk dikumpulkan oleh NGO - NGO seperti Mutiara Food Bank, Kechara Soup Kitchen dan Food Aid Foundation . Seterusnya lebih makanan tersebut akan dikumpulkan, dibersihkan, disimpan dan diagihkan

oleh NGO tersebut kepada golongan yang memerlukan.

11. Suka juga saya ingin maklumkan bahawa pihak AEON Group juga telah menawarkan diri untuk terlibat di dalam program Food Bank Malaysia ini. Tahniah saya ucapkan!

12. Kementerian ini juga sedang berusaha dalam memudahkan proses permohonan bagi peniaga dan industri mengadakan jualan murah, pihak kementerian sedang dalam proses bagi mengkaji dan menyemak semula peraturan bagi membenarkan peniaga mengadakan **jualan murah melalui**

notis jualan murah yang pada masa ini ditetapkan sebanyak 4 kali setahun iaitu 3 tarikh yang ditetapkan oleh kementerian dan 1 tarikh pilihan sendiri oleh peniaga. Dengan membuat pindaan pada peraturan ini, ianya akan memberikan ruang lebih fleksibel kepada pihak peniaga terutamanya hypermarket, supermarket dan lain – lain perniagaan dalam menentukan tarikh bagi mengadakan jualan murah supaya dapat menawarkan harga barangan yang lebih murah dan berpatutan agar rakyat dapat menikmati manfaatnya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. What is Christmas? It is tenderness for the past, courage for the present, hope for the future. I wish this Christmas will bring for you the gifts of happiness, good health and joy.

Sekian, terima kasih.